



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH-MAHKAMAH DI DAERAH
KUCHING, SARAWAK SELARAS SAMBUNGAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DARI 23 HINGGA 27 NOVEMBER 2020**

Sebagaimana yang diumumkan oleh Jabatan Pengurusan Bencana Negeri Sarawak melalui kenyataan media bertarikh 22 November 2020 berkenaan Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Daerah Kuching, Sarawak, dimaklumkan bahawa atas arahan oleh YAA Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, bagi **Mahkamah – Mahkamah di Daerah Kuching, Sarawak berkuat kuasa 23 hingga 27 November 2020**, arahan-arahan berikut adalah terpakai:

- (a) Bagi Prosiding Pendengaran Kes-kes di Mahkamah
Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967 yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh 17 Mac 2020;
- (b) Pendengaran Kes Secara Dalam Talian
Kenyataan Media Pendengaran Kes Secara Dalam Talian Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh 26 Mac 2020; dan
- (c) Bagi Operasi Kerja di Pejabat dan Kaunter-kaunter Perkhidmatan Mahkamah
Garis Panduan Pengendalian Kes dan Tatacara Pengendalian Piawai Pencegahan Wabak COVID-19 Semasa Tempoh Perintah

Kawalan Pergerakan Bersyarat Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh **3 Mei 2020**.

Walau bagaimanapun, pemakaian Panduan di atas perlu diubah suai dengan mengambil kira keperluan Mahkamah masing-masing dan tarikh PKPB.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

(a) **Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak**

Puan Amelati Parnell

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak

019-8195908 / amelati@kehakiman.gov.my

(b) **Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak**

Tuan Jason Juga

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak

019-8346554 / jason@kehakiman.gov.my

(c) **Mahkamah Sarawak**

Tuan Nixon Kennedy Kumbong

Pengarah Mahkamah Negeri Sarawak

013-8042607 / nixon@kehakiman.gov.my

(d) **Mahkamah Tinggi Kuching**

Puan Shafiza binti Abdul Razak Tready

Timbalan Pendaftar (Pentadbiran) Mahkamah Tinggi Kuching

012-6773760 / shafiza@kehakiman.gov.my

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 23 November 2020